



DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin diapit oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika Mesyuarat Ke-211 Majlis Raja-raja di istana Negara Kuala Lumpur baru-baru ini. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra (dua dari kanan) diiringi Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat. Turut kelihatan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail (dua dari kiri) diiringi Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman (empat dari kiri) diiringi oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan.

# Mesyuarat Ke-211 Majlis Raja-raja

**Oleh: ERA BARU**

**PADA** 26 Julai lalu, Persidangan Majlis Raja-raja Melayu kali ke-211 telah berlangsung di Istana Negara. Persidangan yang dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra difahamkan telah membincangkan beberapa perkara penting seperti soal perantikan Hakim-Hakim ekoran dari kekosongan jawatan Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya.

Persidangan Majlis Raja-raja Melayu itu diadakan setiap tahun dan dilangsungkan di Istana Negara dan dipengerusikan oleh Sultan-sultan mengikut giliran setiap tahun. Raja-raja Melayu juga berhak memilih Yang Di-Pertuan Agong setiap 5 tahun sekali diantara Raja-raja Melayu yang bersemayam di takhta.

Dalam persidangan kali ini, bakal calon yang disebut-sebut untuk jawatan Hakim Besar Malaya yang masih kosong sejak 5 Januari lepas, ialah Datuk Hashim Yusuff, manakala dua calon bagi jawatan Presiden Mahkamah Rayuan Datuk Hamid Mohamad dan Datuk Arifin Zakaria.

Dalam pada itu, Kerajaan Malaysia di Persidangan Raja-raja Melayu kali ini diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, di sebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di luar negara. Kesemua Sultan dan Yang Di Pertua Negeri hadir pada persidangan itu kecuali Sultan Pahang dan Sul-

tan Johor.

Sultan Pahang diwakili oleh Tengku Mahkota, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah manakala Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota, Tuanku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar. Terengganu pula diwakili oleh Penasihat Pemangku Sultan Terengganu, Tengku Seri Panglima Raja Tengku Baderul zaman Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah. Turut hadir ialah Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Sementara itu, majlis upacara pecah tanah untuk Istana Negara yang baru itu telah berlangsung pada 13 November 2006 yang terletak diatas bukit di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Ia mempunyai keluasan tanah 241.3 ekar dan dikelilingi oleh hutan semulajadi.

Bangunan Istana Negara yang baru ini akan juga menempatkan Balai Rong Seri, Dewan Mengadap, Dewan santapan, tempat puri persemayaman, pejabat pentadbiran dan



DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin diapit oleh Pengerusi Mesyuarat Ke-211 Majlis Raja-raja, Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra (kanan) dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (kiri) baru-baru ini.

pengurusan utama Istana Negara. Kos pembinaan yang dianggarkan bagi Istana Negara ini ialah RM 400 juta.

Difahamkan Persidangan Raja-raja Melayu akan terus diadakan di Istana Negara kini sehingga tahun 2009 di kala mana Istana Negara yang sedang dalam pembinaan di Jalan Duta itu dijangka siap pada tahun tersebut.